KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek
Cawangan Pengurusan Projek
Aras 5-8, No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 Putrajaya.

Telefon : 03-8000 8000
Fax : 03-8891 3094
Kawat : "MINRUMAH"
Portal Rasmi : www.kpkt.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KPKT.600-3/103/1 (12)
Tarikh : 07 November 2019

Pengarah Urusan
Noor Izwan Architect
E-0-3, Block E, Karamunsing Capital,
Off Jalan Tuaran,
88300 Kota Kinabalu,
Sabah

Tel : 088 203455
Faks: 088 203455

Pengarah Urusan
Aktif FA Konsult Sdn Bhd.
Lot 17, & 19, 2nd Floor, Block C
Damai Plaza, Phase 4, Jalan Damai, Luyang
88859 Kota Kinabalu,Sabah.

Tel : 088 242479
Tel : 088 236798

Tuan,

CADANGAN PROJEK PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.
- Keperluan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Cawangan Kerja Keselamatan, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) Bil.(56)JKR.CKS..600-5/4/343 bertarikh 17 September 2019 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon agar pihak tuan dapat menyemak keperluan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling *(EIA),* sebagaimana salinan surat daripada JKR yang jelas menerangkan maksudnya.

3. Kerjasama daripada pihak tuan adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HJ. MOHAMAD NIZAM BIN MUSTAFA)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Pengurusan Projek,
Cawangan Pengurusan Projek,
b/p: Ketua Setiausaha,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

s.k. : KPPK/UKAS KPP/SB

mkf-18/09/19

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
Cawangan Kerja Keselamatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tingkat 16 - 20, Maju Tower
Peti Surat 10-03,
1001 Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03 - 26108888
Faks : 03 - 26941241 - Pengarah
Telefon : 03 - 26169564 - Pentadbiran
Faks : 03 - 26936960 - Pentadbiran
Laman Web : http://www.jkr.gov.my

"Pelanggan Diutamakan, Janji Dikotakan"

DITERIMA
TSUB(Pemb)
07 OCT 2019
Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan Projek
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan

Ruj.Kami :(56) JKR.CKS.600-5/4/343
Tarikh : 17 September 2019

DITERIMA
SUB(Pemb) 5643
03 OCT 2019
Bahagian Pembangunan & Pelaksanaan Projek
Kementerian Perumahan & [illegible]

EDARAN SEPERTI DI SENARAI

Tuan/Puan,

PROJEK : BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

PERKARA : KEPERLUAN KAJIAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT – EIA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Pejabat Ketua Pengarah Kerja Raya, No.Ruj: (44)JKR-KPKR:100.010/05.Jld.21 bertarikh 14 Ogos 2019 dan surat Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga, No.Ruj: JKR.CASKT.060.080/053(4) bertarikh 2019 adalah berkaitan.

2. Seperti pihak tuan sedia maklum, pelaksanaan projek diatas telah diserahkan kepada pihak KPKT merujuk surat daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR), bertarikh 14 Ogos 2019 mengenai pengecualian AP182 oleh pihak KPKT.

3. Untuk makluman pihak tuan juga, pejabat ini telah menerima surat daripada Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Sabah melalui surat daripada pihak CASKT bertarikh 22 Ogos 2019 yang memerlukan kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling (Environmental Impact Assessment-EIA) bagi projek di atas.Bersama-sama ini disertakan surat daripada pihak CASKT bertarikh 22 Ogos 2019 untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

PSUK I
Sesuhan ke upp.
TQ
8/10.

Ppsuk (Pemb)
Sila ambil maklum
8/10

Ruj.Kami :(56) JKR.CKS.600-5/4/343
Tarikh : 17 September 2019

PROJEK : BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

PERKARA : KEPERLUAN KAJIAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT – EIA)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Hj. NOOR RAHIM BIN SULEIMAN)
Arkitek Penguasa Kanan
Bahagian Pengurusan Projek 2
b.p. Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.

SENARAI EDARAN:

1. Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
   Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
   Aras 5-9, No. 5, Persiaran Perdana Presint 4
   62100 Putrajaya
   Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Ketua Pengarah
   Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
   Bahagiaan Pembangunan
   Lebuh Wawasan, Presint 7
   62250 Putrajaya
   (u.p : PKPjB Othman Bin Abdullah)

SALINAN KEPADA:

1. Pengarah
   Cawangan Kerja Keselamatan

2. Fail Projek

CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN TENAGA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
TKT. 23, MENARA PJD
NO. 50, JALAN TUN RAZAK
50400 KUALA LUMPUR

Telefon : 03 – 4051 8413
Faksimili : 03 – 4041 1988
Laman Web : http://www.jkr.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKR.CASKT.060.080/053 (15)
Tarikh : 22 Ogos 2019

Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 16-20, Maju Tower,
Peti Surat 10-03,
1001 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
(u.p.: Tuan Hj. Noor Rahim bin Suleiman)

CAWANGAN KERJA KESELAMATAN
Ibu Pejabat JKR Malaysia
PCKS ☑ BPP1 ☐
BPP2 ☑ BPP3 ☐
BPP4 ☐ BPP5 ☐
30 AUG 2019
BPKS ☐ PMO ☐
KON & U/BAHAN ☐ BPP Bomba ☐
BINCANG ☑ PANTAU ☐
TINDAKAN ☑ MAKLUMAN ☑
SEMAK & LAPOR ☐ FAIL ☐

Tuan,

2/9/19
Ir. ZULKIPELI B. YAMAT
Juruukur Bahan Penguasa Kanan J54
b.p Pengarah
Cawangan Kerja Keselamatan
Ibu Pejabat JKR Malaysia

PROJEK : BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH

PERKARA : Keperluan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment* – EIA)

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS), no rujukan: JPAS/PP/BFT/600-1/15/3/0/10 KLT.3 (18) bertarikh 19 Ogos 2019 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman tuan, pejabat ini telah menerima maklumbalas dari Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) Sabah berhubung keperluan kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling (Environmental Impact Assessment – EIA) bagi projek di atas (rujuk surat lampiran). JPAS memaklumkan, beberapa isu alam sekitar di jangka berlaku akibat daripada pelaksanaan projek ini sekiranya ia tidak terkawal.

3. Walaubagaimanapun, permohonan keperluan kajian penilaian alam sekitar dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya langkah-langkah kawalan yang di nyatakan di dalam surat JPAS Sabah dijadikan syarat-syarat kelulusan bagi permohonan ini.

Surat Jawapan
1) surat telah disediakan pada 11/9/19 & 4/9/19

Sekian, terima kasih.

6/9/19

2) kenaka pihak & meblam.

3) Sila dapatkan kelulusan dari JPAS sebelum projek ini dilaksanakan.

BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK
DITERIMA
05 SEP 2019
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Cawangan Kerja Keselamatan

(15)

Ruj. Kami : JKR.CASKT.060.080/053 (15)
Tarikh : 22 Ogos 2019

4. Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan pelaksanaan projek di atas kelak dapat dilaksanakan dengan baik dan mengikut jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NAZMI BIN JAAFAR)
Jurutera Awam Penguasa
Bahagian Pengurusan Projek A
b.p Pengarah
Cawangan Alam Sekitar Dan Kecekapan Tenaga
Ibu Pejabat JKR Malaysia.

JABATAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR
(ENVIRONMENT PROTECTION DEPARTMENT)
Tingkat 1 - 3, Wisma Budaya
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci 2078
88999 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
No. Tel. : 088-251290/251291/267572/268572
No. Faks : 088-238120/238390 E-mel : jpas@sabah.gov.my
http://www.sabah.gov.my/jpas
(Sila catatkan **Rujukan fail Jabatan ini** *apabila menjawab)*

RUJUKAN : JPAS/PP/BFT/600-1/15/3/0/10 KLT.3 (18)
TARIKH : 19 Ogos 2019

Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Tkt. 23, Menara PJD
No. 50, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR **Faks : 03-40411988**
(*u.p. Encik Khamarul Ashraaf Bin Arif*)

Tuan,

PROJEK : BALAI BOMBA DAN KUARTERS BEAUFORT, SABAH
Perkara : Memohon Pengesahan bagi Keperluan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk e-mel pihak tuan bertarikh 02 Ogos 2019 mengenai perkara di atas.

2. Sebagai makluman, Jabatan ini telahpun meneliti perkara di atas dan mendapati bahawa isu alam sekitar yang boleh dijangka berlaku akibat daripada aktiviti-aktiviti projek di atas adalah seperti hakisan tanah, pencemaran udara (habuk), pencemaran bunyi, pencemaran bahan sisa pepejal ('overburden' dan 'biomass') dan kacau ganggu lalu lintas sekiranya tidak terkawal. Selain itu, cadangan projek ini hendaklah selaras dengan zoning dan perancangan pembangunan dalam jangka masa panjang di kawasan tersebut untuk mengelakkan sebarang konflik gunatanah pada masa akan datang.

3. Sehubungan dengan itu sekiranya permohonan ini dipertimbangkan untuk kelulusan, sukacita jika langkah-langkah kawalan seperti dalam **Lampiran 1** dijadikan syarat-syarat kelulusan bagi permohonan cadangan pembangunan tersebut.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

"MELAKAR SEJARAH – CREATING HISTORY"

Saya yang menurut perintah,

(SABRINA SALIMI)
b.p. Pengarah

SAA/sas..

RUJUKAN : JPAS/PP/BFT/600-1/15/3/0/10 KLT.3 (18)
TARIKH : 19 Ogos 2019

LAMPIRAN 1

1.0 Kawalan Hakisan Tanah dan Kelodakan

1.1 Bagi aktiviti yang melibatkan kerja-kerja tanah, pemaju projek hendaklah menyediakan kolam perangkap mendap (*sedimentation pond*) dan sistem perparitan di kawasan tapak projek tersebut bagi mengawal pengaliran larian air permukaan dan kelodakan sebelum memasuki parit kerajaan, kawasan bersempadan dan sungai/alur air.

1.2 Sistem perparitan dan kolam perangkap mendap tersebut hendaklah sentiasa diselenggarakan (*maintenance*).

1.3 Semua kawasan yang terdedah hendaklah ditanam dengan tumbuhan tutup bumi (*turfing*) untuk mengurangkan hakisan tanah.

1.4 Sebarang aktiviti pelupusan bahan tanah **tidak dibenarkan** ke dalam parit atau sungai/alur air.

2.0 Kawalan Bahan Minyak dan Sisa Berbahaya

2.1 Bahan minyak dan sisa minyak daripada jentera dan kenderaan yang digunakan dalam projek ini adalah **tidak dibenarkan** mengalir atau dibiarkan mengalir ke dalam sungai atau alur air. Ia hendaklah dikumpul dan disimpan dalam bekas yang kukuh dan tidak mudah bocor. Kawasan penyimpanan bahan minyak tersebut hendaklah terlindung dari hujan, disediakan sistem saliran serta perangkap minyak dan hendaklah terletak dalam jarak sekurang-kurangnya **50 meter** dari mana-mana parit kerajaan, kawasan bersempadan dan sungai/ alur air.

2.2 Pemaju projek hendaklah bertanggungjawab untuk merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar (Persekutuan) berkaitan dengan keperluan dan peraturan bagi pengurusan dan pelupusan bahan minyak sebagaimana yang ditetapkan dalam **Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 (Pindaan) 2007**.

3.0 Kawalan Bahan Sisa Pepejal dan Sisa Domestik (termasuk bahan binaan)

3.1 Bahan sisa pepejal dan sisa domestik **tidak dibenarkan** dibuang atau dialirkan ke mana-mana kawasan alur air/sungai atau mana-mana kawasan perairan. Semua bahan sisa pepejal/sisa domestik ini hendaklah dilupuskan di kawasan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

3.2 Semua bahan sisa pepejal seperti botol, tin, plastik dan besi hendaklah dikumpul secara berasingan dan dikitar semula.

3.3 Kemudahan kutipan dan tempat pengumpulan sisa pepejal hendaklah disediakan oleh pihak pemaju secara bersepadu/berpusat di kawasan tapak projek tersebut. Kesesuaian lokasi kemudahan tersebut hendaklah dikaji agar tidak menimbulkan kekacauan kepada penduduk sekitar.

4.0 Kawalan Sistem Perawatan Kumbahan

4.1 Bahan sisa kumbahan **tidak dibenarkan** dibuang atau dialirkan ke mana-mana kawasan alur air/sungai atau mana-mana kawasan perairan. Kemudahan perawatan kumbahan hendaklah disediakan oleh pihak pemaju secara bersepadu/berpusat di kawasan tapak projek tersebut. Kesesuaian lokasi kemudahan tersebut hendaklah dikaji agar tidak menimbulkan kekacauan kepada penduduk sekitar.

5.0 Kawalan Kualiti Udara dan Bunyi Bising

5.1 Pemaju projek hendaklah sentiasa memastikan bahawa tahap pencemaran udara dan gangguan bunyi adalah minima dan terkawal.

5.2 Kawasan permukaan tanah yang terdedah hendaklah disiram dan dibasahkan dengan air, pada masa panas dan kering. Kemudahan penyimpanan air untuk tujuan kawalan pencemaran habuk ini hendaklah disediakan sebelum operasi projek bermula.

5.3 Semasa fasa pembinaan pemaju projek hendaklah membina *'physical barrier'* seperti membina dinding *'zink'* di sepanjang sempadan kawasan tapak projek bagi mengawal pencemaran udara dan bunyi bising.

5.4 Sebarang aktiviti pembakaran terbuka adalah dilarang sama sekali.

6.0 Kawalan Aktiviti Trafik dan Pengangkutan

6.1 Pemaju projek hendaklah memastikan Jentera dan kenderaan pengangkutan yang digunakan seharusnya dibersihkan agar kawasan jalan awam tidak dicemari dengan lumpur, pasir atau tanah.

6.2 Kemudahan pembersihan jentera dan kenderaan hendaklah disediakan.

6.3 Jentera dan kenderaan pengangkutan yang keluar masuk dari kawasan projek ke kawasan jalan awam hendaklah dikawal dan dihadkan semasa waktu puncak (*peak hour*).

7.0 Kawalan Banjir dan Sistem Perparitan

7.1 Isu banjr hendaklah diambilkira dan sistem perparitan serta paras akhir kawasan tapak projek perlu dikaji agar tidak menyebabkan **banjir setempat**.

8.0 Masa Operasi (Semasa Fasa Pembinaan)

8.1 Masa beroperasi semasa fasa pembinaan hendaklah dihadkan pada waktu-waktu tertentu sahaja agar tidak menimbulkan kacauganggu terhadap orang awam yang tinggal berdekatan dengan tapak projek tersebut.

9.0 Peraturan-Peraturan Lain Yang Hendak Dipatuhi

9.1 Pemaju projek hendaklah bertanggungjawab untuk merujuk kepada Jabatan Kesihatan berkaitan dengan kemudahan kebersihan (*sanitary facilities*) di kawasan projek.